

Perintah Am lahirkan penjawat awam berintegriti

Sebuah akhbar tempatan pada 21 Januari lalu menyiarkan artikel berkaitan isu terkekang golongan intelek dan penyarah yang dikaitkan dengan mentaliti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Seterusnya, penulis menasihati golongan cendekiawan untuk tidak terkongkong dengan politik JPA dan peraturan amnya.

Khabarnya, telahan penulis itu berdasarkan lontaran pandangan Pengarah pertama Institut Teknologi MARA (ITM), Tun Dr Arshad Ayub, mengenai kualiti ahli akademik di Malaysia.

Melalui temu bual pada 18 Januari lalu, Dr Arshad mengategorikan tugas ilmuwan universiti kepada mengajar dan membangunkan pelajar; membuat penyelidikan dan melaksanakan tanggungjawab terhadap masyarakat.

Beliau menzahirkan pendapat bahawa ramai ilmuwan gagal untuk melaksanakan tanggungjawab terhadap masyarakat kerana mereka tersalah tanggapan terhadap pelaksanaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971.

Menurut beliau, tanggapan ini menyebabkan cendekiawan ini menjadi tidak berani, tidak mahu lebih kritis atau malah memberikan idea di luar kotak.

Ini menyebabkan sangat kurang mereka tampil ke hadapan dan memberikan idea bernas bagi tujuan membangunkan masyarakat.

Seperti dikatakan Dr Arshad, sikap mencari alasan, sama ada dengan ke-

beradaan AUKU, mahupun Perintah Am seperti pendapat penulis itu, tidak seharusnya terus dibajai.

Nama ulung seperti Allahyarham Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz, Allahyarham Profesor Datuk Dr Syed Hussein Al-Attas, Allahyarham Tan Sri Abdul Rahman Arshad dan mendiang Profesor Emeritus Tan Sri Dr Khoo Kay Kim, diakui sebagai ilmuwan yang menonjol ketika mereka menjadi penjawat awam lagi.

Tokoh ini ketika bertugas sebagai penyarah, mahupun pentadbir, tetap bertakluk kepada Perintah Am dan sebahagian masa juga bertakluk kepada AUKU. Namun, mereka tetap berani mengeluarkan idea bernas dan kritis serta tampil ke hadapan dengan cadangan di luar kotak.

Sehubungan itu, jelas isu sebenarnya dalam menyuarakan pandangan dan membina kerangka pemikiran masyarakat, isu utama adalah hendak seribu daya, tidak hendak seribu dalih.

Kata-kata Dr Arshad tidak hanya perlu dirungkai dan diperbahaskan oleh badan berkenaan seperti Majlis Profesor

Negara misalnya, tetapi perlu diambil sebagai cabaran oleh setiap cendekiawan negara yang masih tidak mahu mengentengahkan diri atas alasan peribadi.

Justeru, penulis tidak seharusnya terus melabelkan mentaliti seolah-olah pemikiran dan daya tahan intelektual di universiti terhalang disebabkan oleh peraturan di bawah Perintah Am kerajaan.

Walaupun terdapat ramai ilmuwan universiti yang memberikan khidmat intelektual mereka di negara ini, bilangannya masih perlu dipertingkatkan.

Oleh itu, kita perlu mencari punca sebenar keengganan mereka, tanpa menuding jari kepada pihak yang tidak pernah mengekang kreativiti dan keberanian menyuarakan idea yang mampu membangunkan negara.

Dalam melahirkan gagasan intelektual Malaysia moden yang ke hadapan dengan pandangan jauh dan bernas, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebenarnya sudah dan terus melaksanakan perannya yang murni.

Saban tahun JPA menaja penjawat

awam dan pelajar di dalam dan luar negara bagi menimba ilmu dalam pelbagai bidang supaya dengan kemahiran yang mantap kelak, mereka dapat berbakti kepada tanah air sendiri.

Mereka juga dikurniakan Hadiah Laitihan Persekutuan bagi menyambung ilmu ke peringkat tertinggi dan diberi peluang bekerja dalam organisasi kerajaan dan swasta di pelbagai peringkat hingga badan antarabangsa. Semua usaha ini untuk membangunkan daya upaya pencerakiran ilmu dan pemikiran yang kritis.

Kewujudan Perintah Am tidak sepatutnya dilihat sebagai belenggu kepada pengalaman budaya bersuara atas landasan ilmu yang positif dan kritis. Perintah Am sebenarnya sekumpulan peraturan yang mengarah pandu modal insan dalam Perkhidmatan Awam.

La menggariskan panduan dalam semua aspek etika dan perkhidmatan bagi menjadikan penjawat awam itu baik rupa sepemandangan, baik bunyi sepengegarangan tatkala bekerja dalam organisasi kerajaan.

Ibarat ketua keluarga yang memberi tunjuk ajar kepada anaknya, JPA menyediakan panduan dan peraturan ini bagi tujuan menjamin tadbir urus kerajaan yang baik, seragam dan berintegriti.

Malah, jika diperhatikan, tindakan tatatertib hanya satu daripada tujuh bab di dalam Perintah Am. Bab ini juga menekankan bahawa tiada penganiayaan akan berlaku kepada penjawat awam yang dikenakan tindakan tatatertib.

Bagi menggugah fikiran yang sihat, kritikal, selektif dan proaktif dalam menghadapi cabaran globalisasi, pandangan Presiden Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC), Profesor Datuk Dr Mohd Idrus Mohd Masirin, harus diberi perhatian apabila beliau dengan jelas menyatakan bahawa bebanan tugas tambahan yang ditanggung penyarah menjadi kekangan kepada mereka untuk berkongsi ilmu bagi kebaikan negara dan masyarakat.

Kesudahannya, kepolosan itu penting dalam membicarakan niat suci Arshad kerana JPA sentiasa positif dan bersedia menangannya, bak tiada kusut yang tidak terlelaikan.

Maka, kita bersama-samalah membantu supaya usaha membangunkan tanah air tercinta ini dapat dilaksanakan dengan kerjasama semua anggota masyarakat.

Penulis adalah Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kuala Lumpur

Walaupun terdapat ramai ilmuwan universiti yang memberikan khidmat keintelektualan mereka di negara ini, bilangannya masih perlu dipertingkatkan. Oleh itu, kita perlu mencari punca sebenar keengganan mereka, tanpa menuding jari kepada pihak yang tidak pernah mengekang kreativiti dan keberanian menyuarakan idea yang mampu membangunkan negara.

